

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 48 RABU 26 NOBEMBER, 1969

1389 رابو 16 رمضان PERCHUMA

TIGA ORANG WAKILI BRUNEI KA-PERTANDINGAN MEMBACHA AL-QURAN ANTARA BANGSA

BANDAR BRUNEI. — Dua orang qari dan sa-orang qari'ah telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Ahad lepas untuk mewakili Brunei di-pertandingan membacha Al-Quran Antara Bangsa di-ibu kota negara Malaysia itu.

Mereka ia-lah Awang Damit bin Haji Kawang, Awang Mornee bin Sanai dan Dayang Rasiah binte Juma'at.

Pertandingan Membacha Al-Quran Antara Bangsa itu akan di-adakan di-Stadium Merdeka, Kuala Lumpur selama tiga malam mulai malam ini.

Wakil2 Brunei itu telah ditemani oleh Awang Haji Mohamed Tarif bin Pehin Perdana Wangsa Haji Mohamed sa-bagai ketua, Pengiran Tuah bin Pengiran Mohamed sa-bagai wakil Jabatan Hal Ehwal Uagama dan Dayangku Hajjah Hanifah binte Duli Pengiran Bendahara Anak Mohamed Yassin sa-bagai pengiring peserta perempuan.

Turut berlepas bersama2 dengan rombongan itu ia-lah Yang Di-Muliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Metali bin Mat Yassin yang akan menjadi salah sa-orang dari hakim di-pertandingan membacha Quran Antara Bangsa itu atas jempuntan Kerajaan Malaysia.



Awang Ali bin Awang Besar.

Ingatan P'jaya Buroh kapada majikan2

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Buroh, Awang Mohammad Ali bin Awang Besar telah mengingatkan majikan2 supaya menghantarkan surat2 perjanjian kerja bagi pekerja2 tempatan yang bekerja dengan mereka kapada Jabatan Buroh.

Perjanjian itu mesti-lah menetapkan syarat2 pekerjaan yang di-lakukan oleh sa-seorang pekerja tempatan itu.

Dalam sa-buah kenyataannya, Pesuruhjaya Buroh itu berkata, langkah itu ada-lah untuk memudahkan tugas bagi mengawasi pekerja2 itu sama ada terdiri dari kerani2 atau pekerja buroh yang bekerja dengan mana2 jua majikan sama ada dengan contractor2, sharikat2 perniagaan atau perusahaan.

Surat2 perjanjian itu hendak-lah di-tanda-tangani oleh pehak majikan dan pekerja di-saksikan oleh Pesuruhjaya Buroh yang bertanggung-jawab untuk tempat membuat pengaduan2 mengenai pekerjaan dan masalah yang berkaitan dengan-nya.

Borang2 tersebut boleh di-dapati dari Pejabat Buroh, Bandar Brunei pada bila2 masa waktu bekerja dengan tidak di-kenakan apa2 bayaran.

Penyampaian bendera kpd. pengakap

BANDAR BRUNEI. — Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Salleh bin Haji Mastri akan menyerahkan Bendera Brunei kapada rombongan pengakap Negeri Brunei ka-Jambori Pengakap di-Thailand dalam satu upacara yang akan di-adakan di-Tambatan Kastam Di-Raja Bandar Brunei pada 27 Nobember jam 7.00 pagi, sa-belum pengakap2 itu berlepas ka-Labuan.

Rombongan yang mengandongi 61 orang pengakap dan guru2 pengakap itu di-jadualkan berlepas dari Singapura menuju ka-Bangkok pada 5 Disember dan di-jadualkan pulang ka-tanah ayer pada penghujung bulan tersebut.

Guru2 pengakap dan pengakap2 ada-lah di-minta hadir di-tambatan Bandar Brunei sa-belum jam 6.45 pagi untuk menguchapkan selamat belayar kapada rombongan itu.



Peserta2 dan pegawai2 sa-belum berlepas ka-Kuala Lumpur. Dari kiri: Dayang Rasiah, Awang Damit, Haji Mohd. Tarif, Y.D.M. Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Metali, Awang Mornee, Pg. Tuah dan Dayangku Hajjah Hanifah. — Gambar BP/JHEU.

KETETAPAN BAYARAN ZAKAT FITRAH

BANDAR BRUNEI. — Kadzi Besar, Brunei telah menetapkan bayaran Zakat Fitrah bagi tahun ini berdasarkan beras yang sekarang berharga \$2.70 sa-gantang di-Bandar Brunei, \$2.75 di-Pekan Muara dan Tutong, \$2.80 di-Seria Kuala Belait dan Temburong.

Kadzi Besar itu berkata,

berdasarkan harga beras di-kawasan itu, maka bayaran Zakat Fitrah ada-lah seperti berikut:

Di-Bandar Brunei, Zakat Fitrah ia-lah \$1.68½. Di-Muara dan Tutong \$1.71½ dan di-kawasan Seria, Kuala Belait dan Temburong ia-lah \$1.75.

Nilai tersebut ada-lah ber-

samaan dengan harga beras tiga kati dan 12 tahlil yang harus di-bayar.

Zakat Fitrah bagi tiap2 sa-orang Islam di-negeri ini ada-lah sah di-keluarkan menurut salah satu chara ia-itu dengan beras atau wang yang sama nilai-nya dengan harga beras menurut di-mana mereka itu tinggal.

Sekolah Arab akan punyai blok sains

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah di-batu Satu Jalan Tutong akan mempunyai sa-buah blok sains dan seni apabila pembenaan bangunan tersebut siap pada penghujung bulan depan.

Bangunan yang menelan belanja lebih dari \$572,000 itu mengandungi sa-buah makmal sains, bilek2 sharahan dan seni.

Kerja2 membena bangunan itu di-mulakan dalam bulan Mach tahun ini.

Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah juga mengajar bahasa Inggeris, sains, kira2 dan lain2 mata pelajaran yang perlu bagi membolehkan penuntut2 memasuki ka-sebuah universiti.

Ranchangan

Permintaan bagi

derma anak2 yatim

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Melayu Radio Brunei akan mengadakan ranchangan Permintaan Derma Anak2 Yatim melaluj talipon pada Hari Raya yang akan datang.

Ranchangan yang akan di-mulakan pada Hari Raya yang pertama itu akan berjalan selama tiga hari berturut2. Peminat2 ranchangan ini boleh membuat panggilan talipon dari jam 11.30 pagi hingga 12-30 tengah hari.

Peminat2 dalam ranchangan ini hendaklah menderma sekurang2nya \$3.00 bagi satu panggilan talipon.

Sa-orang yang hendak mengambil bahagian dalam ranchangan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan nama-nya kepada Pemangku Pengelola Ranchangan Bahagian Melayu dengan memberikan nombor talipon dan alamat yang sebenar.

Permintaan juga boleh dibuat dengan mengirinkan kad2 permintaan bagi ranchangan Permintaan Derma Anak2 Yatim ini.

Akan tetapi tiap2 permintaan hendaklah di-sertakan dengan wang derma sekurang2nya \$1.00.

Hasil dari kutipan melalui ranchangan ini akan di-dermakan kepada Jawatankuasa Tabung Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei-Muara.

1,650 ORANG AKAN MASOK KA-SEKOLAH2 INGGERIS KERAJAAN TAHUN DEPAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 1,650 orang kanak2 dari sekolah2 rendah Melayu dan China di-negeri ini akan di-terima masuk ka-sekolah2 Inggeris Kerajaan dalam tahun 1970.

Mereka itu telah di-pilih daripada 2,729 orang murid yang mengambil peperiksaan pemilihan yang di-

adakan dalam bulan September lepas.

Peperiksaan itu ialah untuk menimbangkan kelayakan kanak2 bagi memasuki kelas2 persediaan sekolah2 Inggeris Kerajaan.

Di-antara sa-ramai 1,650 orang murid2 yang berjaya itu, 840 orang adalah lelaki.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, jumlah ini adalah yang terbesar sekali yang diterima masuk ka-kelas2 persediaan.

Tahun ini sa-jumlah 1,500 orang murid dari semua sekolah2 rendah Melayu dan China telah diterima masuk ka-sekolah2 persediaan Inggeris.



Piala2 yang akan di-hadiahkan kepada pemenang.

Peraduan akhir

Talentine

Radio Brunei

6 Disember

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Talentine Radio Brunei bagi tahun 1969 akan diadakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei pada 6 Disember mulai jam 8.00 malam.

Sa-ramai 13 orang peserta akan bertanding dalam bahagian nyanyian perseorangan lelaki — lapan dari Seria-Belait dan lima dari Daerah Brunei.

Mereka ia-lah Ivan Leong, Amedun Mohammad Yassin, Johnny Lim, Eddie Hiew, Othman Paun, Robert Koh, Leong Chee Seng, Thomas Toh, A. B. Mohd. Ariff, Azamain bin Abdullah, Tony Leong, Freddie Lao dan Awangku Osman bin Pengiran Damit.

PESERTA PEREMPUAN

Dalam bahagian perseorangan perempuan, sa-ramai tujuh orang peserta akan mengambil bahagian. Mereka ia-lah Leslie Clark, M. Patong Ling, Jainab Kadir, Angela Then, Cecilia Newn, Eveyln Wong dan Malai Yohana Sheikh Othman.

Sementara dalam bahagian kumpulan pula sa-banyak tujuh kumpulan telah di-pilih ka-peraduan akhir itu.

Tiket2 yang berharga \$3.00 dan \$2.00 untuk menyaksikan Peraduan Talentine boleh dibeli dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bandar Brunei tidak berapa lama lagi.

Sekolah Melayu Pengkalan Batu di-perbesar

BANDAR BRUNEI. — Pembenaan bangunan tambahan dan lain2 kerja bagi Sekolah Melayu di-Pengkalan Batu di-Daerah Brunei Muara telah siap baru2 ini.

Kerja yang menelan belanja sa-banyak \$135,012.00 mengandungi kebanyakan pembenaan dinding di-sekeliling bangunan yang ada sekarang dan memasang lantai konkrit.

Dengan siapnya bahagian tambahan itu, tingkat bawah sekolah sekarang mempunyai empat buah bilek tambahan menjadikan sekolah itu mempunyai lapan buah bilek darjah.

Sebab bagi mengadakan bilek2 darjah di-bahagian bawah itu ia-lah untuk memberikan sekolah itu ruang yang lebih untuk menampung murid2 dalam Darjah Enam, termasuk mereka dari Sekolah2 Melayu Limau Manis, Panchor Murai dan Masin yang berhampiran di-situ.

Sa-buah dewan makan dan dapur telah di-bena di-sebelah hujung sekolah itu.

Dewan makan itu, sa-lain dari tempat makan juga boleh di-gunakan sa-bagai auditorium sekolah itu.

Satu blok yang mengandungi dua unit quarters kelas F bagi guru2 juga telah di-bena.

Tender bagi pembekalan alat2 dan perabot bagi sekolah itu telah di-keluarkan tiga minggu yang lalu.

Alat2 dan perabot itu akan di-hantar ka-sekolah itu sebelum 5 Januari tahun depan.

KURSUS HAJI

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama bahagian Urusan Haji akan memberikan kursus kepada bakal2 haji yang akan menunaikan fardhu haji tahun depan.

Kursus haji di-Daerah Belait akan di-adakan pada hari ini, 26 Nohember di-Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Kursus bagi bakal2 haji Daerah Brunei-Muara dan Tutong akan di-adakan di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada 29 Nohember.

Kursus2 itu akan di-mulakan jam 10.30 pagi.

Bakal2 haji di-Daerah Temburong telah di-beri kursus pada minggu lalu.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

"Apabila masuk bulan Ramadhan, terbuka-lah pintut2 shorga dan tertutup-lah pintut2 neraka dan segala shaitan2 pun di-rantai-lah dan di-belengu lalu di-serukan pada tiap2 malam bahawa wahai orang2 yang sukakan kebajikan bersegera-lah mengerjakan-nya dan wahai orang2 yang gemarkan kebahagiaan, berhentikan-lah kejahatan mu itu". Dan sabda-nya lagi "Sungguh-nya di-dalam shorga ada sa-buah pintu yang bernama "Arraiyan" tiada dapat di-masoki melainkan orang2 yang berpuasa. Apa bila mereka memasoki-nya tertutup-lah ia, maka tiada sa-orang pun yang akan memasoki-nya lagi."

Dari dua buah maksud hadith yang tersunting di-atas ini, ada-lah memberi gambaran yang jelas bahawa sa-takat mana mulia-nya bulan Ramadhan ini, dan sa-takat mana besar pahala-nya orang2 yang menunaikan fardhu puasa. Berpuasa pada bulan Ramadhan yang menjadi salah satu rukun Islam, ada-lah untuk menjadi ujian dan chuba'an kapada sa-tiap umat Islam dari Allahsubhanahu - Wataala. Suatu chubaan dan dugaan yang maha berat kapada sa-tiap Muslimin dan Muslimat

IBADAT PUASA TIDAK AKAN SEMPURNA JIKA TIDAK DI-SERTAI RASA TAKWA

KHUTBAH JUMA'AT

"Hadapi-lah dengan tabah dan penoh khusu' dan takwa di-dalam menjalankan ibadat puasa"

sa-bagaimana yang telah ditetapkan oleh shara.

Puasa yang di-kehendaki oleh shara ia-lah puasa yang dapat menanam sifat takwa di-dalam diri orang yang berpuasa itu. Puasa yang sademikian tidak akan dapat di-chapai melainkan apabila orang yang berpuasa itu dapat menahan diri daripada dosa dan hawa nafsu-nya sa-bagai mana ia menahan diri dari-

pada makan minum dan segala perkara yang membatalkan puasa.

Di-samping kita berpuasa, amalan2 lain hendak-lah di-kerjakan seperti membacah Al-Quran, sama ada siang atau malam-nya, serta sembahyang Tarawikh, dan jangan-lah kita menghabiskan masa berbual2 kasong atau bercherita2 kerana itu ada-lah merugikan kapada kita sendiri yang mana kita belum tentu dapat menemui Ramadhan di-tahun2 yang

akan datang. Pendek-nya ibadat Puasa tidak akan sempurna sa-lagi orang yang berpuasa itu belum dapat menumbuhkan rasa takwa pada dirinya sa-bagaimana yang diketahui tersimpul di-dalam Al-Quran.

Dari itu ada-lah di-serukan kapada seluruh umat Muslimin agar sentiasa berwaspada dari segala serangan pencheruba yang mana sa-tiap detik dan ketika yang chuba menggarohi hawa nafsu, hadapi-lah dengan tabah dan penoh khusu' dan takwa di-dalam menjalankan ibadat puasa yang mana kelak segala ibadat puasa kita itu akan dapat di-terima oleh Allah sa-bagaimana yang tersebut di-dalam sa-buah hadith "Kodsi" Allah berfirman yang bermaksud:

"Tiap2 amal anak Adam itu ada-lah untuk-nya, melainkan ibadat puasa maka ia-ada-lah untuk ku, dan akan ku balas (Tuhan) kapada-nya."

16 orang sertai pertandingan Al-Quran anjoran KEMUKA

BANDAR BRUNEI. — Enam belas orang peserta termasuk tujuh orang perempuan yang mewakili sembilan buah persatuan2 belia di-Daerah Brunei dan Muara akan mengambil bahagian dalam pertandingan membacah Al-Quran dalam bulan depan.

Pertandingan yang di-anjorkan oleh Persatuan Kebajikan Maufakat Kampong Burong Pingai Ayer-KEMUKA itu akan di-adakan di-kawasan bangunan persatuan itu pada 4 Disember mulai pukul 8.00 malam.

Ia-nya di-bahagikan kapada dua bahagian, lelaki dan perempuan.

Setia Usaha pertandingan Awang Apong bin Sarbun berkata, pertandingan yang hanya terbuka kapada persatuan2 belia di-Daerah Brunei Muara itu ia-lah sa-bagai sambutan Nuzul Al-Koran dan sa-bagai projek tahunan persatuan itu.

Ini ada-lah pertama kali-nya pertandingan seperti itu di-anjorkan oleh persatuan KE-

MUKA.

Persatuan2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu ia-lah Persatuan Ikatan Setia Pahlawan-INSAP, Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Kiulap, Persatuan Ikatan Kampong Peramu - PIKAP, Persatuan Ikatan Belia Berakas-IBB, Persatuan Kampong Saba "PERKASA", Persatuan Kampong Pandai Besi-PKPB, Persatuan Angkatan Burong Pingai Berakas PERANGKAP, Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sungai Kebun-PUSAKA, dan Persatuan Kebajikan Maufakat Kampong Burong Pingai Ayer.

Sambutan Nuzul Al-Quran di-Seria

SERIA. — Masharakat Islam di-Seria akan meraikan Nuzul Al-Quran dengan mengadakan beberapa achara yang bercharak Ugama di-Masjid di-Pekan Seria pada 29 Nohember mulai pukul 8.00 malam.

Juruchakap bagi jawatan-kuasa perayaan berkata, achara

ra2 yang akan di-adakan termasuk beberapa pertandingan.

Juruchakap itu berkata, pertandingan itu akan di-bahagikan kapada empat bahagian — lelaki, perempuan, kanak2 lelaki dan kanak2 perempuan.

Beliau berkata, lebih dari tiga puluh permohonan telah

di-terima dan pemilehan akan di-adakan untuk memilih peserta2 bagi pertandingan perengkat akhir.

Juruchakap itu berkata, sharahan khas mengenai Nuzul Al-Quran juga akan di-sampaikan oleh sa-orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Pegawai Daerah Belait Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan akan menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 dalam pertandingan itu.

Orang ramai yang berUgama Islam di-Seria dan lain2 kawasan supaya akan dapat menghadiri perayaan itu.

Peraduan panchak silat sambut Hari Raya Haji

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas-PERANGKAP akan menganjorkan peraduan panchak silat dalam bulan Februari tahun hadapan.

Sa-orang juruchakap per-

satuan tersebut berkata peraduan itu ada-lah sa-bagai salah satu projek tahunan dan juga sa-bagai menyambut Hari Raya Haji.

Peraduan tersebut akan di-adakan di-rumah persatuan itu

dan ia-nya hanya terbuka kapada ahli2 persatuan belia.

Peraduan yang serupa yang di-ajorkan oleh PERANGKAP telah di-adakan dalam bulan Disember tahun lepas.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 26 Nob. 1969 hingga ka-hari Selasa 2 Dis. 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
26 Nob.		12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12
27 Nob.		12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12
28 Nob.		12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12
29 Nob.		12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12
30 Nob.		12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12
1 Dis.		12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14
2 Dis.		12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



26 November, 1969.

PERJANJIAN PEKERJA

BARU2 ini Kerajaan telah mengenakan satu langkah untuk mengawal pekerja2 tempatan dari di-landa oleh anjakan suasana pekerjaan yang tidak menjamin dengan mengadakan satu perjanjian bekerja (tempatan).

Semua majikan2 yang ada mengambil bekerja orang2 tempatan hendaklah mulai dari sekarang dikehendaki membuat surat perjanjian kerja, ia itu bagi satu tempoh perkhidmatan bekerja di-antara pekerja dengan majikan.

Pesuruhjaya Buroh, Awang Mohammad Ali bin Awang Besar dalam satu kenyataan mengenai perkara tersebut telah menjelaskan kedudukan perjanjian itu sa-bagai satu peraturan bagi mengawasi seluruh pekerja2 yang bekerja dengan mana2 majikan di-negeri ini. Dalam perjanjian itu nanti akan di-tanda tangani bukan hanya oleh pekerja2 itu dengan majikan2 mereka, tetapi juga oleh Pesuruhjaya Buroh sendiri yang bertindak sa-bagai pihak yang bertanggungjawab untuk para buroh itu mengemukakan pengaduan2 dan bagitu juga majikan2 atas masalah2 mengenai pekerja2 mereka.

Orang2 tempatan ada-lah bererti orang2 yang bermastautin di-negeri ini atau lebih tegas lagi orang yang menjadi raayat atau bumiputera. Dari penafsiran ini, maka ada-lah jelas bahawa perjanjian itu di-lakukan semata2 untuk memelihara bumiputera negeri ini yang bekerja dengan pemburoh2, sharikat2 perniagaan, perusahaan2 dan lain2 lagi dari kemungkinan timbulnya masalah2 yang tidak saimbang antara buroh dan majikan.

Penetapan tempoh bekerja antara sa-orang buroh dengan majikan itu merupakan satu peraturan yang amat wajar di-lakukan seperti yang terhatet dalam perjanjian itu.

Bahagian ini sa-kurang2nya telah dapat mengurangkan rasa ragu di-kalangan para buroh di-negeri ini di-sebabkan tempoh mereka bekerja dengan satu2 majikan itu terserah kepada kehendak2 majikan mereka. Tetapi dengan perjanjian itu, keadaan yang demikian tidak akan berlaku lagi dan majikan2 dengan sendiri-nya terpaksa menetapkan terlebih dahulu tempoh perkhidmatan bekerja bagi sa-saorang pekerja yang di-ambil-nya.

Menetapkan tempoh masa bekerja ini juga merupakan satu kelegaan bagi para buroh, terutama buroh2 kasar yang selalu bekerja bertukar tangan dari sa-orang majikan kepada majikan yang lain dan dalam keadaan pendapatan yang kadang2 tidak saimbang.

Dengan perjanjian bekerja itu, maka kita perchaya para buroh di-negeri ini telah dapat mengurangkan rasa bimbang mereka dari tekanan2 tempoh masa bekerja yang tidak tetap yang sa-belum perjanjian ini kerap di-alami oleh sa-bilangan besar para buroh, terutama-nya yang bekerja dengan pemborong2. Kapada pihak majikan pula, kita perchaya perjanjian-bekerja ini akan dapat mereka patohi.

BEBERAPA PENGETAHUAN

ASASI TENTANG AL-QURAN

AL-QURAN ada-lah kitab

Allah yang di-turunkan-Nya kepada Nabi-Nya Muhammad s.a.w. untuk menjadi sumber pegangan dunia dan akhirat bagi seluruh umat Islam khas-nya dan seluruh manusia am-nya. Maka wajib-lah kita seluruh umat Islam mengetahui pengetahuan2 yang asasi tentang Al-Quran supaya dapat kita menjawab pertanyaan2 yang selalu di-katakan-nya kepada kita. (Kerana ada-sa-saorang Islam hanya tahu tentang "Quran" semata2 tetapi tidak lebih dari itu).

Tentu-lah tidak semua orang mengerti berbahasa Arab dan orang yang mengerti itu ada kala-nya tidak tahu menulis atau membaca-nya. Maka sudah tentu-lah fahaman mereka terhadap Al-Quran tidak ada atau tidak mendalam, walaupun mereka pandai membaca Al-Quran dengan suara yang merdu dan menarek. Tujuan tulisan ini ada-lah untuk memberikan beberapa perkara yang penting di-ketahui oleh umat Islam tentang Al-Quran sa-chara ringkas tetapi tidak-lah bermaksud akan membuat kajian yang lebih besar daripada itu. Mudah2an akan berguna dan mendapat perhatian.

MA'ANA AL-QURAN

Perkataan "Al-Quran" dari bahasa Arab di-ambil dari pada kata kerja "Kara'a" bererti "Membaca" dari kata kerja ini di-ambil kata nama "Al-Quran" erti-nya "Pembacaan atau bacaan". Jadi bererti "Al-Quran" ia-lah buku bacaan. Dari segi istilah ulama pula "Al-Quran" ada-lah kitab Allah yang di-turunkan kepada Saidina Muhammad s.a.w. yang di-suroh (sa-chara ibadat) kepada umat Islam untuk membaca-nya.

Di-dalam Al-Quran sendiri perkataan Al-Quran itu ada tersebut beberapa kali mital-nya dalam ayat 98 Suratul-An-Naml yang bererti demikian: "Maka jikalau engkau (Muhammad) membaca Al-Quran hendaklah engkau berlindung (daripada shaitan) dengan Allah". Dan juga dalam ayat 106 dalam Surah Al-Isra' atau dalam surah Al-Qiamah dan berbagai2 lagi. Ayat yang menyebutkan kalimat "Al-Quran" itu sa-chara terang.

OLEH:

YAHYA HAJI IBRAHIM, M.A. (AL-AZHAR)

Dengan istilah ulama tadi juga maka apa2 kitab yang di-turunkan sa-belom daripada Al-Quran terkeluar-lah dengan sendiri-nya dari di-namakan Al-Qur'an.

Di-samping itu ada berbagai perkataan lam yang di-ertikan oleh para ulama sa-bagai nama juga kepada Al-Quran, seperti (Al-Furkan) yang bererti (membezakan antara salah dan benar) atau (Al-Kitab) yang bererti (Buku), atau (Al-Kalam) yang bererti perkataan, atau (Rahmat) yang bererti rahmat atau (Hudan) yang bererti pertunjuk, atau (Zikran) yang bererti peringatan, dan lain2 lagi. Menu-rut Badaruddin Az-zarkashi dalam buku-nya "Al-Burhan fi ulumul Quran" nama2 Al-Qur'an itu lebih daripada sembilan puluh nama dan semua-nya ada terkandung di-dalam ayat2 Al-Quran di-dalam surah2 yang tertentu.

ISI2 KANDONGAN

AL-QURAN

Al-Quran mengandungi 30 juz tiap2 juz itu terbahagi kapada dua (Hizb) (Belahan) dan tiap2 hizb itu terbahagi kapada empat rubu' (suku) juz yang 30 itu terkandung seluruh-nya dalam 114 surah. Jumlah ayat Al-Qur'an yang terkandung dalam 114 surah itu menurut ulama tidak kurang daripada 6,000 ayat; Ada yang mengatakan 6,600 ayat ada yang mengira 6,616 ayat dan ada yang mengira 6,236 ayat. Tergantung kapada beberapa perse-lisehan ayat2 di-antara para ulama yang mengira itu (kadang2 ada ayat yang satu di-kira dua dan sa-bagai-nya).

Ada pun perkataan Al-Quran ada-lah sa-banyak 77439 perkataan dan huruf-nya pula ada sa-banyak 340740 huruf (Ini pun tidak seluruhnya ulama mengatakan dan mengira demikian kerana per-selisehan perkiraan huruf dan perkataan).

Surah2 Al-Quran itu terbahagi kapada dua:

1) Surah Makkiyah ia-itu semua surah yang turun sa-belom Hijrah.

2) Surah Madaniyah ia-itu semua surah yang turun sa-sudah Hijrah walaupun di-Mekkah. Surah Makkiyah adalah sa-banyak 91 surah dan surah Madaniyah sa-banyak 23 surah. Dalam Al-Quran, pada awal tiap2 surah itu diterangkan oleh para ulama sama ada surah itu Makkiyah atau Madaniyah. Maka surah2 ini semua-nya dikumpulkan ka-dalam 30 juz tadi mengikut tempat yang tertentu seperti yang di-perintah oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui Jibrail a.s. Maka tidak-lah mesti surah yang awal dalam Al-Quran seperti surah Al-Fatihah atau surah yang akhir ia-itu surah An-Nas ada-lah surah yang awal atau akhir di-turunkan.

Tentu-lah di-sini kita tidak akan memberikan apa2 butir isi kandungan Al-Quran itu tetapi sa-chara ringkas isi Al-Quran itu boleh-lah kita katakan seperti berikut:

1. Beberapa bahagian yang mengandungi hukum hakam seperti hukum jenayah.
2. Beberapa bahagian yang mengandungi perkara ibadat seperti haji, puasa, zakat dan lain.
3. Beberapa bahagian yang mengandungi kisah dan hikayat tentang Nabi2, raja2 dan manusia, zaman lampau sa-belom Nabi Muhammad untuk menjadi iktibar dan panduan kapada umat Islam, seperti kisah negeri Rome dalam surah Al-Rom, Kisah Nabi Yusof, dan kisah Nabi Adam a.s.

AL-QURAN DI-TURUNKAN

Menurut kebanyakan ahli sejarah ayat yang mula2 di-turunkan kapada Nabi Muhammad s.a.w. melalui Jibrail ia-lah pada malam 17 Ramadhan tahun 10 sa-belom Hijrah. Malam itu di-namakan juga Malam Lailatul Qadr. Dan pada waktu itu dengan sendiri-nya sa-chara resmi ia-lah hari Nabi di-angkat menjadi rasul dan Nabi yang terkemudian sekali dengan membawa Ugama Islam kapada seluruh manusia. Tempat ayat itu turun ia-lah gua Hira' di-Mekkah tempat kelahiran Nabi Muhammad juga.

(Lihat Muka 5)

Ranchana ini di-pindah dari Risalah Khas Sambutan Nuzul Al-Quran yang di-terbitkan hari ini oleh Badan Penerangan Ugama Islam. Atas persetujuan Penguasa Badan itu dan penulis ranchana tersebut untuk di-starkan semula dalam akhbar ini, maka di-ucapkan terima kasih dan semoga penyiaran ini akan mendatangkan manfaat.

Sambutan Nuzul Al-Quran akan di-adakan di-Madrasah Jabatan Hal-Ehwal Ugama pada malam ini 16 Ramadhan, 1389 bersamaan dengan 26 November, 1969. — Pengarang.

(Dari Muka 4)

Ayat yang mula turun itu ialah ayat pertama hingga lima dari surah Al'Alak yang bermaksud "Bacha-lah dengan nama Tuhan mu yang menjadikan manusia daripada sa-kumpul darah yang beku. Bacha - lah dan Tuhan mu yang lebeh pemurah yang mengajar dengan pena yang mengajari manusia apa yang tiada di-ketahui-nya.

Ada pula pendapat2 lain yang mengatakan selain daripada itu ada ulama yang mengatakan "Surah Al-Fatihah"; dan ada pula yang mengatakan "Ya aiyuhall muddasir". Tetapi pendapat itu amat sedikit.

Ada pun ayat akhir yang diturunkan maka ada bermacham2 pendapat ulama tafsir dan ulama Al-Quran. Tetapi pendapat yang lebeh banyak mengatakan ayat yang paling akhir turun ia-lah ayat 281 dari surah Al-Bakarah yang bermaksud: "Dan takut-lah kamu kepada hari yang kamu akan di-kembalikan kepada Allah kemudian akan di-bayar tiap2 jiwa apa yang telah di-kerjakan dan mereka itu tidak-lah di-anayia".

BAGAI MANA AL-QURAN DI-TURUNKAN

Al-Quran di-turunkan sa-chara ber-ansor2 sa-lama lebeh kurang 23 tahun lama-nya ia-itu dari masa di-Gua Hira' saperti di-atas hingga-lah beberapa hari sa-belom Nabi wafat di-Madinah. Tidak saperti kitab2 Ugama yang terdahulu daripada Ugama Islam Kitab2 Ugama itu kesemua-nya di-turunkan sa-chara sekali gus.

Tetapi walaupun demikian, menurut pendapat Ulama2 memang-lah pada mula-nya Al-Quran itu di-turunkan sekali gus juga dari pada Lauh Mahfudz ka-langit dunia pada malam Lailatul Qadr. Dan sa-telah itu baharu-lah di-turunkan oleh Jibrail saperti mana yang di-awal tadi beransor2.

Ada pun chara Jibrail membawa turun ayat2 Al-Quran itu ada dua chara menurut Al-Zarkashi dalam kitab-nya tadi.

1) Dengan chara Rasulullah itu menjumpai Jibrail bertukar chorak menjadi sa-olah2 Nabi itu bersifat malaikat lalu ia-berdamping dengan Jibrail dan menerima ayat2 itu (tetapi perkara ini ada-lah terlalu susah hendak di-gambarkan di-sini kerana ini akan menyentoh perkara 'iktikad'. Ada-lah lebeh baik di-katakan demikian sahaja).

2) Dengan chara Jibrail menjumpai Rasulullah, ia menjelma sa-olah2 Jibrail itu bersifat manusia lalu Nabi menerima ayat2 Quran daripada nya.

BEBERAPA PENGETAHUAN ASASI TENTANG AL-QURAN

Sa-sungguh - nya tidak-lah dapat di-ketahui bagaimana chara-nya penyampaian Jibrail kepada Nabi Muhammad, dengan huruf atau perkataan yang bagai mana. Kerana itu ada-lah di-dalam ilmu Allah s.w.t. Tetapi menurut pendapat ulama2 ada yang mengatakan bahawa huruf Al-Quran itu sa-tiap huruf besar-nya di-kadarkan sa-besar "Jabalkaf" (Bukit Kaf) di-Mekkah dan tiap2 huruf itu mengandongi ma'ana yang tidak dapat di-ketahui oleh sa-lain dari Allah s.w.t. Menurut pendapat Imam Ghazali: "Huruf Al-Quran itu menurut ma'ana-nya".

BAGAIMANA QURAN DI-TULIS DAN DI-KUMPULKAN

Pada masa hidup Nabi Muhammad Al-Quran boleh di-katakan di-hafdz sahaja oleh para sahabat dan ahli hafadz di-masa itu. Sedikit sangat yang di-tulis dan di-kumpulkan kerana alat tulis di-masa itu sangat susah di-dapati, kalau pun ada hanya merupakan batu2, daun kurma, kayu yang boleh di-jadikan "Kertas" dan demikian juga orang2 yang

pandai menulis pada masa itu sangat sedikit.

Sa-telah wafat Nabi Muhammad maka Saidina Abu Bakar di-lantek menjadi Khalifah yang pertama. Dalam masa pemerintahan Saidina Abu Bakar terjadi-lah perang yang bernama Perang "Al-Yamamah" yang sangat banyak mengorbankan jiwa kaum Muslimin, menurut riwayat At Tabari bahawa para sahabat yang mati dalam perang itu kira2 450 orang dan jumlah kaum Muslimin yang shahid pada masa itu kira2 1,000 orang. Banyak di-antara mereka ia-lah ahli2 hafadz Quran tadi.

Maka memandang kapada hal ini Saidina Abu Bakar pun mengadakan meshuarat dengan para sahabat yang lain supaya di-adakan usaha untuk memelihara Al-Quran terutama kerana banyak sudah ahli2 hafadz tidak ada lagi, dan juga supaya pembachaan Al-Quran tidak berselisih antara satu kumpulan dengan yang lain.

Maka dari sejak itu-lah usaha untuk mengumpul Al-Quran di-jalan dengan giat-nya oleh umat Islam. Hinggalah sampai kapada pemeren-

tahan Saidina Osman. Maka Saidina Osman telah memerentahkan supaya di-salin kumpulan Al-Quran itu kadalam mus-haf yang khas.

Di-antara para penyalin mus-haf itu ia-lah Zaid bin Thabit, Sa'ad bin Abi Wakas, dan lain2. Mereka ini juga ada-lah penyalin yang sudah pernah bertugas di-masa hidup Nabi Muhammad s.a.w.

Maka terdapat-lah empat nashkah salinan mus-haf; satu nashkah di-hantar ka-Kuffah, satu di-hantar ka-Basrah, satu ka-Sham dan sa-nashkan tinggal pada Saidina Osman sendiri. Salinan2 ini semua-nya di-namakan Mus-haf Osmani saperti yang terkenal pada masa sekarang ini. Ada pun tulisan2 yang selain daripada mus-haf yang empat ini telah diperentahkan oleh Saidina Osman supaya di-bakar untuk mengelakkan perselisihan tulisan dan fitnah orang2 Yahudi yang sentiasa sejak mula2 lagi berusaha untuk memesongkan tulisan2 dan isi Al-Quran.

Dengan demikian terpeliharalah tulisan2 dan isi Al-Quran buat sa-lama2nya saperti firman Allah s.w.t. "Sa-sungguh-nya kami menurunkan Al-Quran dan sa - sunggoh-nya kami-lah yang memeliharanya."

Sakian-lah sedikit pengetahuan mengenai Al-Quran mudah2an dapat kita menggunakan-nya.

Perwakilan Brunei di-Simposium di-Australia



Awang Waterland, Awang Haji Abdul Aziz (No. 2 dan 3 barisan depan) dan Awang Yakub (di-tengah2) ketika menghadhiri di-Simposium tersebut.

BANDAR BRUNEI. — Perwakilan Brunei ka-Simposium Yang Ke-Empat mengenai perkembangan sumber2 minyak untuk Asia dan Timor Jauh yang berlangsung di-Canberra, Australia telah pulang ka-tanah ayer minggu lalu.

Simposium itu di-anjarkan oleh ECAFE dan telah membincangkan lebeh dari 150 buah kertas kerja yang di-ambil bahagian oleh kira2 25 buah negeri.

Perkara pokok yang di-bincangkan ia-lah meliputi berbagai bidang dari ekonomi dan perundangan2 hingga kapada penggunaan gas alam sabagai suatu bahan mentah kimia dan penghasilan zat protein daripada minyak tanah dan gas alam untuk membuat makanan binatang2 ternakan.

Simposium itu telah mendatangkan faedah yang besar kapada Brunei terutama dari pengetahuan2 yang di-dapati

dari kertas2 kerja yang di-bincangkan.

Perwakilan dari Brunei yang berkedudukan sa-bagai ahli bersekutu dalam ECAFE ada-lah terdiri dari tiga orang ia-itu Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz Umar, Awang Yaakub bin Ahmad, (kedua2-nya dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Brunei) dan sa-orang pegawai dari Sharikat Minyak Shell Brunei, Awang David Waterland.

Jawatan-Jawatan Kosong

DI-PEJABAT DAERAH DAN TANAH, TEMBURONG

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Daerah dan Tanah, Temburong.

1) PEMBANTU TEKNIK RENDAH (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu.
- Mesti-lah telah berkhidmat dalam Pejabat Ukor selama sekurang2-nya 3 tahun dan di-Pejabat Daerah dan Tanah selama sekurang2-nya 2 tahun.
- Mesti-lah berpengalaman dalam kerja2 ukor meng-ukor tanah.
- Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengetahuan tentang Daerah Temburong.
- Mesti-lah berumur di-antara 25 dan 30 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3

EB 4 — \$210 x 10—270 x 15—360 x 20—480/EB/500 x 20—620.

2) PENGHANTAR SAMAN (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VI Sekolah Melayu dan Darjah IV Inggeris.
- Mesti-lah telah berkhidmat dalam Pejabat Daerah dan Tanah selama sekurang2-nya 2 tahun.
- Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengetahuan tentang Daerah Temburong
- Mesti-lah berumur di-antara 18 dan 30 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3—\$200 x 10—270/EB/280 x 10—330.

3) PEMANDU TINGKAT II (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen memandu dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu dan boleh

membaiki sebarang kerosakan2 kecil.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 3—\$200 x 5—220.

4) PENJAGA (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 dan 45 tahun dan boleh menulis dan membaca.

Tugas2:

Pemohon yang berjaya hendak-lah bersedia bertugas di-waktu malam.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1—\$160 x 5—175.

5) TUKANG KEBUN

(1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 30 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1 EB 2—\$160 x 5-175/EB/180 x 5—195.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatehan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Disember, 1969.

Sa-bagai Penulong Jururawat

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 perempuan yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan sa-bagai Penulong Jururawat2 Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah bujang dan berumur 18 tahun ka-atas. Mereka hendak-lah lulus Form I Inggeris, atau Darjah VI Sekolah Melayu dan mempunyai sedikit pengetahuan berbahasa Inggeris.

Sukatan Gaji:

Penulong Jururawat Perchubaaan dan Penolong Jururawat Terlateh E. 1-2 EB 3 — \$200 x 10—230/240 x 10—270/EB/280 x 10—330.

Penolong Jururawat Kanan D. 3—\$380 x 20—480.

ELAUN:

Pakaian seragam akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan semasa lathaan. Sa-bagai tambahan, elaun chatuan sa-banyak \$35/-sa-bulan akan di-bayar semasa dalam tempoh perchubaaan.

Perchubaaan:

Tempoh perchubaaan lazimnya ia-lah sa-lama 2 tahun.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Disember, 1969.

Sa-bagai Amah

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Amah di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Hanya chalun2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan atau yang berhak di-daftarkan sedemikian akan di-pertimbangkan untuk di-beri jawatan tetap. Mereka mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan mesti-lah boleh berbahasa Melayu.

Lain2 chalun akan juga di-pertimbangkan bagi perkhidmatan sa-chara berkontrek atau sa-chara sa-bulan kasebulan. Chalun2 ini mesti-lah mempunyai sedikit sa-banyak pengalaman sa-bagai Amah di-rumah sakit. Mereka mesti-lah tidak lebih dari 40 tahun ka-atas kechuali mereka telah pun berkhidmat sa-bagai amah sa-lama beberapa tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 2-3 EB 4—\$180 x 5—220/EB/225 x 5—240.

Tugas2:

Chalun2 yang terpilih akan di-tempatkan di-Rumah2 Sakit Kerajaan, Gedong2 Ubat, Klinik2 Kesihatan dan Asrama2 Jururawat.

Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk bertugas siang atau malam dan bekerja di-mana2 daerah di-negeri ini.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 8 Disember, 1969.

Di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk di-lantek ka-jawatan2 yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

- Tukang Ubat Kanan
- Tukang Ubat Terlateh/atau
- Tukang Ubat Perchubaaan.

KELAYAKAN2:

- 1) Tukang Ubat Kanan**
Mesti-lah menjadi sa-orang Tukang Ubat yang ber-kelayakan dan mempunyai 10 tahun pengalaman serta pengalaman menjaga sa-buah gudang ubat; atau Hendak-lah menjadi sa-orang Pembantu Rumah Sakit yang ber-kelayakan dengan mempunyai pengalaman membanchor ubat sekurang2-nya selama 10 tahun.
- 2) Tukang Ubat Terlateh**
Mesti-lah mempunyai sesuatu Sijil bagi Tukang Ubat yang ber-kelayakan atau pun hendak-lah menjadi sa-orang Pembantu Rumah Sakit yang ber-kelayakan dengan mempunyai pengalaman membanchor ubat selama 3 hingga 5 tahun.

- 3) Tukang Ubat Perchubaaan**
Pemohon2 bagi jawatan ini (Tukang Ubat Perchubaaan) mesti-lah terdiri dari ra'ayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei dan mesti-lah berumur 17 tahun atau lebih dan lulus peperiksaan Senior Cambridge termasuk mata2 pelajaran sains asas.

GAJI: Tukang Ubat Kanan — Dalam sukatan gaji C. 2 — \$600 x 30 — 900.
Tukang Ubat Terlateh/Perchubaaan Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB4—\$210 x 10—270 x 15—360/380 x 20 480/EB/500 x 20 — 620.
Gaji Permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

- Tukang2 Ubat Perchubaaan di-lantek dalam perchubaaan selama 3 tahun dan penempatan dalam jawatan mereka ada-lah bergantung kepada kejayaan dalam peperiksaan sesudah menjalani sesuatu kursus yang di-akui.
- Tukang Ubat Kanan dan

Tukang Ubat Terlateh yang bukan dari ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Pembaharuan kontrek adalah dengan persetujuan bersama.

BAKSIS:

Bagi sa-orang pegawai yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Disember, 1969.

Sekolah baru Anggerek Desa

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Anggerek Desa yang baru, di-daerah Brunei Muara sudah pun siap pembenaan-nya, dengan menelan belanja kira2 \$982,789.00 termasuk alat2 dan rumah kediaman guru besar.

Hanya dua lagi kerja kechil akan di-siapkan ia-itu kerja2 memasang pagar kawasan sekolah dan padang permainan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, murid2 di-Sekolah Melayu Anggerek Desa akan berpindah ka-sekolah baru pada 5 Januari tahun hadapan, apabila penggal pertama persekolahan di-mulakan.

Sekolah baru itu di-bena di-satu kawasan sa-luas enam ekar berhampiran dengan sekolah yang ada sekarang. Ianya mempunyai 18 buah bilek darjah; sa-buah dewan makan; dapur; bilek2 perubatan dan rawatan gigi; sa-buah bilek rehat untuk guru2 dan pejabat untuk guru besar.

Sekolah tersebut ada-lah bagi murid2 yang diam di-kawasan itu dan mereka akan di-pindahkan ka-Sekolah Menengah Melayu Pertama di-Bandar Brunei apabila tiba kapada pelajaran perengkat menengah.



Upachara perbarisan tamat latehan bagi 40 orang rekrut pulis

BERAKAS. — Satu perbarisan tamat latehan bagi 40 orang rekrut pasokan Pulis Di-Raja Brunei, telah di-adakan di-Sekolah Latehan Pulis Jalan Berakas pada 20 Nobember lalu.

Di-upachara perbarisan itu, Pesuruhjaya Pulis Dato J. R. H. Burns telah menerima tabek

kehormatan dan memereksa perbarisan.

Turut dalam perbarisan itu ia-lah anggota2 pulis, yang menjalani kursus ulang kaji selama lapan minggu di-pusat latehan itu.

P.C. Bakar bin Lamit dan P.C. Roger Egan Raja telah menerima sijil2 kepujian.

Sa-ramai sebelas orang rekrut yang berjaya dalam ujian kerana pingat gangsa Penyelamat Jiwa-Di-Raja telah menerima sijil2 dan 29 orang rekrut juga telah menerima sijil2 dan lenchana kerana lulus peperiksaan Pertolongan Chemas Palang Merah Brunei.

Rekrut2 Pulis Di-Raja itu tidak berapa lama lagi akan berlepas ka-Malaysia untuk menjalani latehan selama enam bulan di-Pusat Latehan Pulis Di-Raja Malaysia Kuala Lumpur.

Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet baru2 ini telah melawat ka-pusat pertanian Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Sinaut untuk meninjau perkembangan yang di-chapai di-pusat itu. Gambar menunjukkan Awang Malet (Kiri) ketika di-beri penerangan oleh Penasihat Pertanian Awang H. L. Nunn mengenai penanaman padi paya yang di-usahakan di-pusat itu.

Penuntut2 Ugama Brunei di-M'sia balek berchuti

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai sebelas orang penuntut Brunei yang belajar di-Sekolah Arab Al-Junid Singapura, telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu kerana menghabiskan chuti penggal terakhir bersama2 keluarga mereka.

Sementara itu, tiga orang guru Ugama perempuan juga telah kembali ka-tanah ayer pada 22 Nobember sa-telah menamatkan kursus Urusan Rumah Tangga di-Pusat Latehan Wanita di-Ipoh-Perak.

Mereka ia-lah Malai Hamidah binte Sheikh Nikman; Dayang Maznah binte Abang Taha dan Dayang Mulia binte Abdul Rahman.

PESTA RIA ANJORAN RADIO BRUNEI

KUALA BELAIT. — Bahagian Melayu Radio Brunei telah mengadakan Pesta Ria di-Dewan Kemasyarakatan di-Kuala Belait pada malam Sabtu lepas.

Penyanyi2 telah di-iringi oleh Okes Buana Lima.

Pertunjukkan yang mengandungi lawak jenaka dan acara meneka telah di-adakan sa-

bagai persediaan bagi rancangan menyambut Hari Raya nanti.

Satu pertunjukan yang sama akan di-adakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Sabtu 29 Nobember.

Pertunjukan itu terbuka kapada orang ramai.

SI-TUYU oleh:m.salleh ibrahim





Bangunan Pusat Belia, di-Bandar Brunei.

Pembukaan rasmi Pusat Belia pada 20 Disember

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan merasmikan pembukaan Pusat Belia pada 20 Disember yang akan datang.

Sa-buah jawatankuasa telah di-bentok baru2 ini untuk menyusun rancangan bagi upacara tersebut.

Jawatankuasa yang di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Haji Awang Abdul Aziz Umar itu mengandongi Awang Jaya bin Abdul Latif — Timbalan Pengerusi; Awang Mohammad Yassin bin Said — Setia Usaha; Awang Junaidi bin O. K. S. N. Mohammad Safar — Penolong Setia Usaha; Pengiran Tuah bin Pengiran Mohammad Daud — Pengerusi Jamuan; Awang Abdul Wahab bin Tengah — Pengerusi Malam Seni Budaya; Pengiran Tajuddin — Pengerusi Alat Kelengkapan dan Perhiasan dan Awang Ya'akub bin Ahmad — Pengerusi Tetamu.

Bangunan yang menelan belanja kira2 \$2.2 juta itu telah siap baru2 ini dan ia-nya adalah merupakan salah sa-buah pusat yang moden di-Tenggara Asia.

Ia-nya mengandongi sa-buah dewan yang boleh menampung 1,000 orang, sa-buah dewan gimnastik, kolam renang, sa-buah blok urusan rumah tangga, dan asrama yang berasingan bagi lelaki dan perempuan.

Bersempena dengan pembukaan rasmi Pusat Belia itu satu persembahan Malam Seni Budaya akan di-adakan di-dewan pusat tersebut.

Achara2 yang akan di-persembahkan pada malam itu termasuk-lah tari2an dan lagu2 asli Brunei.

Satu keluaran setem khas ju-

ga akan di-keluarkan bagi memperingati pembukaan Pusat Belia itu.

Setem2 yang berharga enam sen, 10 dan 30 sen akan di-jual di-pejabat2 pos di-seluruh negeri pada 20 Disember.

Setem2 tersebut akan terus di-jual sa-lama tiga bulan atau sa-hingga setem2 itu habis dalam simpanan.

Sementara itu, sa-orang juruchakap Jabatan Kebajikan berkata, persatuan2 belia yang ingin membeli setem2 dan sampul2 surat keluaran hari pertama itu boleh-lah membuat pesanan dari sekarang kepada Jabatan itu dengan di-sertakan wang-nya sekali tidak lewat dari 1 Disember.

Gambar menunjukkan bangunan Musium sedang dalam pembenaan. Kira2 75% dari kerja2 pembenaan itu telah selesai. Bangunan itu dibena di-pinggir sa-buah bukit menghala Sungai Brunei.



Melihat anak bulan Shawal

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pegawai2 Jabatan Ukur akan melakukan penglihatan anak bulan Shawal pada hari Selasa 9 Disember untuk menentukan Hari Raya Puasa.

Jika sa-kira-nya anak bulan Shawal dapat dilihat pada hari itu, maka Hari Raya Puasa akan jatuh pada hari Rabu 10 Disember, jika anak bulan itu tidak kelihatan, maka Hari Raya akan jatuh pada 11 Disember bersamaan dengan hari Khamis.

Ketetapan bersembahyang Hari Raya di-mesjid2 di-seluruh negeri ia-lah pada jam 7.30 pagi.

Majlis forum dalam sambutan Pesta Ugama malam ini

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis forum akan di-adakan di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada malam ini mulai jam 8.00 malam.

Tajok forum yang akan di-bincangkan itu ia-lah "Kedudukan Umat Islam Dalam Perkembangan Dunia Moden".

Majlis forum ini ia-lah kemunchak dari achara Pesta Ugama bagi menyambut dan memperingati Nuzul Al-Quran yang akan jatuh pada 27 Nohember ini.

Peserta2 yang akan mengambil bahagian dalam majlis tersebut ia-lah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohammad Jamil Al-Sufri, Awang Saman bin Kahar M. A. (Al-Azhar) dan Awang Abdul Latif bin Haji Hashim.

Majlis tersebut akan di-pengerusikan oleh Awang Abdul Hamid bin Bakal M. A. (Al-Azhar).

Lain2 achara yang akan di-persembahkan pada malam Pesta Ugama itu ia-lah persembahan Nashid, bacaan sajak dan satu tayangan filem 'Apollo Sebelas'.

Pengerusi dan ahli2 jawatankuasa sambutan menjemput kaum Muslimin menyaksikan achara sambutan itu.

Sa-buah buku 'Risalah Khas' akan di-bahagi2kan dengan perchuma kepada hadirin yang menyaksikan sambutan itu.

Lagi sa-orang penuntut Brunei lulus B. Sc.

BANDAR BRUNEI. — Awang Mahari bin Mohammad Said telah pulang katanah ayer baru2 ini sa-telah memperolehi ijazah Sarjana Muda Sains (B. Sc.) dalam jurusan kehutanan.

Beliau ada-lah anak Brunei yang pertama memperolehi ijazah dalam jurusan tersebut.

Awang Mahari belajar di-University College of North Wales atas biasiswa kerajaan Brunei sejak tahun 1964.

Beliau akan di-tempatkan di-Jabatan Kehutanan.